

13 NOV 1997

PRESIDEN MACEDONIA BERLEPAS PULANG (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Presiden Macedonia Kiro Gligorov berlepas pulang hari ini setelah mengadakan lawatan negara empat hari ke Malaysia dengan menyaksikan dua perjanjian ditandatangani bagi memperluaskan kerjasama dalam bidang perdagangan, ekonomi dan industri.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali mengucapkan selamat jalan kepada Gligorov dan isterinya Dr Nada Gligorova di bilik hotel mereka sebelum tetamu itu berlepas ke lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik selaku menteri pengiring turut hadir.

Malaysia merupakan negara pertama di kalangan negara-negara Asia Pasifik mengiktiraf negara Balkan itu pada 1992 berikutan kemunculannya sebagai sebuah negara yang bebas dan merdeka daripada bekas Yugoslavia.

Pada persidangan berita semalam, Gligorov berkata lebih banyak kerjasama dalam perkhidmatan perbankan dan kemudahan lain yang berkaitan harus diwujudkan untuk mempertingkatkan perdagangan antara Macedonia dan Malaysia.

Walaupun terdapat kerjasama yang tinggi daripada segi politik antara kedua-dua negara tetapi ia tidak dicerminkan menerusi perdagangan, katanya.

Beliau turut menjemput ahli perniagaan Malaysia untuk menyertai program penswastan yang sedang berjalan di negaranya dalam bidang-bidang seperti pengeluaran nikel dan zink dan perlombongan.

-- BERNAMA

AZZ RHM